

Kata Nama Khas



Kata nama khas terdiri daripada perkataan yang merujuk kepada **benda-benda yang khusus**. Contohnya, nama orang, haiwan, benda, institusi, tempat, bangsa, bahasa, pangkat, undang-undang, dan sebagainya.



✓ Sistem Bahasa: Bahagian A

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- Pada setiap pagi Isnin, ketua pengawas akan menaikkan _____ ketika lagu Negaraku dinyanyikan.
A jalur gemilang
B Jalur Gemilang
C Jalur gemilang
D jalur Gemilang
- Restoran makanan laut itu dimiliki sepenuhnya oleh _____.
A Tuan Haji Samsuri
B tuan haji Samsuri
C Tuan haji samsuri
D tuan haji samsuri
- Encik Rahim sempat melawat ibu saudaranya ketika beliau menjalani kursus di _____.
A bandar Baru Bangi
B bandar baru Bangi
C Bandar Baru Bangi
D bandar baru bangi
- Kakak terjaga daripada tidur apabila _____ mengiau dengan kuatnya.
A Si comel
B si Comel
C si comel
D Si Comel
- Perpindahan _____ ke sekolah lain amat menyedihkan kami.
A cikgu Siti Azni
B cikgu siti azni
C Cikgu Siti Azni
D Cikgu siti azni
- Jasmin mencari makna kata di dalam _____ dengan tekunnya.
A kamus dewan
B Kamus Dewan
C Kamus dewan
D kamus Dewan